

Kepada: CIMB Bank Berhad

Cawangan

PERJANJIAN AKAUN PELABURAN e-EMAS CIMB BANK

NOTA : SILA BACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DALAM PERJANJIAN AKAUN PELABURAN e-EMAS INI DAN SELANJUTNYA, SILA BINCANG DENGAN KAKITANGAN BANK SEKIRANYA ADA SEBARANG TERMA YANG ANDA TIDAK FAHAMI SEBELUM MENANDATANGI PERJANJIAN AKAUN PELABURAN e-EMAS INI.

Berkuat kuasa pada 27 September 2024

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah meminta dan memberi kuasa kepada CIMB Bank Berhad 197201001799 ("Bank") untuk membuka Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank ("eGIA") dalam nama saya/kami tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut yang terkandung dalam perjanjian ini ("Perjanjian").

Sebagai balasan bagi Bank membuka eGIA, saya/kami bersetuju:

- untuk terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat berikut yang dinyatakan dalam Perjanjian ini;
- bahawa penerimaan dan kelangsungan eGIA saya/kami akan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk penilaian kredit Bank terhadap kami.

1. TUJUAN AKAUN PELABURAN EMAS (eGIA)

Saya/Kami mungkin dari semasa ke semasa membeli daripada dan/atau menjual kepada Bank komoditi emas tulen 99.9% ("emas") di bawah eGIA dan sebarang emas yang dibeli tetapi belum dijual balik kepada Bank akan direkodkan dalam eGIA sebagai terutang oleh Bank kepada saya/kami dan akan ditangani selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

2. PEMBUKAAN AKAUN

- Untuk membuka eGIA, saya/kami akan menyempurnakan dan memberikan kepada Bank mandat sedemikian (jika ada), tandatangan spesimen dan sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Bank untuk pengendalian eGIA.
- Dengan membuka eGIA, saya/kami merepresentasi dan menjamin bahawa saya/kami adalah sekurang-kurangnya berumur 18 tahun.
- Bagi tujuan penyelesaian penuh emas yang dibeli oleh saya/kami selaras dengan terma-terma yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, saya/kami hendaklah membuka dan mengekalkan akaun simpanan atau akaun semasa dengan CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad ("Akaun Gabungan Yang Ditetapkan"). Saya/Kami memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya/kami untuk penjelasan emas yang dibeli oleh saya/kami, mana-mana fi perkhidmatan tahunan, duti setem, sebarang penalti atau fi dan/atau caj sedemikian lain dan/atau sebarang cukai yang boleh ditanggung di bawah Perjanjian ini atau berkaitan dengan eGIA. Fi dan caj semasa yang dikenakan akan ditunjukkan di premis Bank dan/atau di laman webnya. Saya/Kami seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh menolak permohonan saya/kami untuk membuka eGIA sekiranya saya/kami gagal dan/ atau enggan membuka dan/atau mengekalkan Akaun Gabungan Yang Ditetapkan di atas. Saya/ Kami mengakui dan bersetuju bahawa peruntukan klausa 3, 14, 22, dan 30, semua representasi dan deklarasi yang dilakukan oleh saya/ kami dan hak Bank di bawah Perjanjian ini akan kekal dan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya tanpa mengira penolakan Bank terhadap permohonan saya/ kami untuk membuka eGIA.

2.4 Saya/Kami mengakui bahawa eGIA hendaklah dikawal oleh dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam (a) Perjanjian ini, (b) Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan (c) borang piawai Bank (secara kolektif dirujuk sebagai terma-terma dan syarat-syarat") di mana terma-terma dan syarat-syarat sedemikian boleh dipinda, diubah dan/atau disemak semula dari semasa ke semasa oleh Bank dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar). Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan antara mana-mana terma-terma dan syarat-syarat, terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini akan mengatasi yang lain dan dianggap mengikat terhadap saya/kami.

2.5 Bagi akaun bersama yang dibuka oleh kami:

2.5.1 Sekiranya eGIA dibuka dalam nama dua (2) orang, kami bersetuju bahawa syarat menandatangani eGIA mestilah salah seorang daripada kami.

2.5.2 Sekiranya eGIA dibuka dalam nama tiga (3) orang, kami bersetuju bahawa syarat menandatangani eGIA mestilah mana-mana seorang daripada kita.

2.5.3 Kami memahami dan bersetuju bahawa kami tidak akan dibenarkan untuk membeli dan/atau menjual emas melalui CIMB Clicks dan semua persetujuan, kewajipan, kuasa, autoriti dan liabiliti yang terkandung dalam Perjanjian ini akan mengikat semua pemegang akaun eGIA secara bersama dan berasingan.

2.5.4 Kami bersetuju bahawa notis yang diberikan oleh Bank kepada salah seorang daripada kami akan dianggap telah diberikan kepada semua pemegang akaun bersama.

2.5.5 Kami, pemegang akaun bersama akan secara bersama dan berasingan mengaku janji untuk menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain yang walau bagaimanapun dan pada bila-bila masa jua ditanggung oleh Bank akibat dan/atau berbangkit daripada Bank mematuhi sebarang pemberikuasaan yang dikeluarkan oleh mana-mana orang daripada kami melainkan kerugian sedemikian disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.

3. PENGISYTIHARAAN

- Saya/Kami mempunyai kapasiti, hak, kuasa, dan autoriti undang-undang untuk memasuki kontrak bagi pembelian dan penjualan emas.
- Saya/Kami menyatakan bahawa maklumat yang diberikan dalam borang permohonan yang dilengkapkan oleh saya/kami berkaitan dengan permohonan eGIA adalah benar, tepat dan lengkap. Saya/Kami tidak menahan sebarang maklumat yang boleh menjelaskan permohonan saya/kami atau yang mempengaruhi keputusan Bank.
- Saya/Kami memahami dan bersetuju bahawa borang permohonan berkaitan dengan permohonan saya/kami untuk eGIA tetap menjadi harta Bank tanpa mengira sama ada permohonan saya/kami untuk eGIA diluluskan dan Bank merizabkan hak untuk menolak permohonan saya/kami mengikut budi bicaranya.
- Saya/Kami memahami bahawa pulangan terhadap eGIA bergantung kepada turun naik harga emas dan bersetuju untuk menanggung sebarang kerugian berbangkit daripada turun naik harga emas. Saya/Kami telah diberikan taklimat oleh Bank mengenai ciri-ciri dan risiko membuka dan mengekalkan eGIA sebelum membuka eGIA ini.
- Saya/Kami mengakui bahawa pulangan terhadap pelaburan saya/kami dalam emas adalah tidak pasti dan kemungkinan mempunyai risiko tidak memperoleh pulangan dan/atau saya/kami mungkin menanggung kerugian. Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Perjanjian ini dan keputusan untuk membuka eGIA adalah berdasarkan keputusan saya/kami sendiri bergantung kepada bahan yang disediakan atau nasihat yang diberikan oleh Bank atau wakilnya.
- Saya/Kami bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada saya/kami atas sebarang kesesutan

atau pengurangan nilai emas yang dibeli di bawah eGIA dan sebarang kerugian, gantirugi, kos atau perbelanjaan lain yang ditanggung atau dialami oleh saya/kami termasuk tetapi tidak terhad kepada penglibatan sebarang cukai dan/atau levi lain berkaitan dengan pewujudan, pengeluaran atau pengendalian eGIA atau berhubung dengan penjualan atau pembelian emas yang dipegang berkaitan dengannya melainkan saya/kami dapat membuktikan bahawa kerugian, gantirugi, kos atau perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

3.7 Saya/Kami memahami dan bersetuju bahawa Bank boleh pada bila-bila masa menggantung dan/atau tidak melaksanakan arahan saya/kami untuk membeli dan/atau menjual emas di bawah eGIA dalam kedudukan kredit saya/kami tanpa memberikan sebarang sebab, dengan memberikan notis kepada saya/kami dan saya/kami dengan ini bersetuju bahawa penggantungan dan/ atau keengganan untuk melaksanakan pembelian dan/atau penjualan emas saya/kami di bawah eGIA tidak akan memberikan hak kepada saya/kami atau mana-mana pihak ketiga lain untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atas sebarang kerugian atau gantirugi langsung atau tidak langsung yang dialami oleh saya/kami atau mana-mana pihak ketiga lain yang timbul daripada penangguhan dan/ atau keengganan untuk melaksanakan arahan.

3.8 Saya/Kami akan memberikan kepada Bank dengan sebarang maklumat atau penyata kewangan untuk tujuan kewajiban pelaporan kawal selia atau bagi sebarang sebab yang difikirkan munasabah atau diperlukan oleh Bank atas permintaan Bank.

3.9 Saya/Kami mengesahkan bahawa Bank diberi kuasa untuk mengesahkan dan/atau melakukan sebarang semakan dan/atau mendapatkan sebarang maklumat dan/atau pengesahan pada bila-bila masa kini dan/atau di masa hadapan, dengan atau daripada sebarang sumber, majikan sebelumnya, semasa dan masa hadapan dan/atau mana-mana agensi rujukan/pelaporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS"), *Credit Tip-Off Service* ("CTOS"), Sistem Maklumat Kewangan ("FIS") dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau dari mana-mana institusi kewangan dan untuk memberikan kepada pihak-pihak yang disebutkan di atas maklumat diperlukan yang diminta bagi membolehkan Bank memastikan status saya/kami bagi pertimbangan permohonan eGIA dan selepas itu sekiranya permohonan itu diluluskan untuk tujuan pembukaan dan/atau penyelenggaraan berterusan eGIA saya/kami; dan/atau sebarang tujuan berkaitan dengan atau berhubung dengan eGIA yang dipohon; dan/atau untuk sebarang tujuan lain yang diperlukan atau diizinkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia berkenaan.

3.10 Saya/Kami memberi persetujuan dan memberi kuasa kepada mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Pelaporan Kredit 2010 ("CRA") untuk memproses dan mendedahkan sebarang maklumat kredit saya/kami (seperti yang ditakrifkan dalam CRA) dalam rekod CRA kepada Bank untuk tujuan memproses atau mempertimbangkan permohonan eGIA saya/ kami termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, pemeriksaan penipuan, semakan kredit, pemantauan kredit dan proses pemulihan hutang. Saya/Kami selanjutnya memberi persetujuan dan memberi kuasa kepada agensi pelaporan kredit untuk mendedahkan sebarang maklumat kredit saya/kami kepada pelanggan agensi pelaporan kredit untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

3.11 Saya/Kami memberi jaminan kepada Bank bahawa saya/kami akan melakukan kecermatan sewajarnya supaya tidak membolehkan dana dari hasil sebarang aktiviti haram disalurkan melalui eGIA saya/kami dengan Bank dan mengaku janji untuk memberikan kepada Bank dengan semua maklumat dan dokumen berkenaan, ketika dan apabila diminta, untuk tujuan pengenalan

saya/kami dan/atau pengesahan sumber dana saya/kami atau tujuan transaksi di bawah prinsip "Kenali Pelanggan Anda".

3.12 Saya/ Kami menyatakan bahawa saya merupakan/pernah merupakan / kami merupakan/pernah merupakan seorang Individu Yang Mempunyai Pengaruh Politik ("PEP")/Ahli Keluarga PEP/Rakan Rapat PEP.

Definisi:

a) Individu Yang Mempunyai Pengaruh Politik ("PEP") ertinya seseorang yang atau telah diamanahkan fungsi awam terserlah. Contohnya, Ketua Negara atau kerajaan, ahli politik kanan, pegawai kanan kerajaan, kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan syarikat milik negara, pegawai penting parti politik.

b) Ahli Keluarga PEP ertinya pasangan, anak, ibu bapa, ibu bapa mertua, adik beradik, saudara mara/keluarga luas.

c) Rakan Rapat PEP ertinya rakan kerja, rakan karib, pemandu, pengawal peribadi, setiausaha, penasihat politik, penjamin, rakan perniagaan, rakan kongsi perniagaan, peguam, orang yang bertindak bagi pihak, yang lain.

3.13 Saya/Kami mengesahkan bahawa eGIA saya/kami hanya akan digunakan untuk tujuan bukan perniagaan peribadi seperti untuk pembelian dan/atau penjualan emas saya/ kami. Saya/ Kami mengaku janji untuk membuka, mengekalkan atau menubuhkan akaun perniagaan atau bukan peribadi berasingan untuk tujuan perniagaan, persatuan, pertubuhan, atau perdagangan.

3.14 Saya/Kami mengesahkan bahawa satu salinan berkaitan dengan Lembaran Pendedahan Produk yang diberikan kepada saya / kami dan syarat kontrak utama yang mempengaruhi tanggungjawab saya/kami telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

4. PEMBELIAN EMAS

4.1 Pembelian emas di cawangan CIMB Bank:

4.1.1 Bank boleh dari semasa ke semasa menjual emas kepada saya/kami selaras dengan pesanan pembelian saya/kami menurut Perjanjian ini.

4.1.2 Setiap pesanan pembelian hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Bank dan hanya akan diterima oleh Bank jika pesanan pembelian telah dibuat oleh saya/kami pada hari perniagaan Bank.

4.1.3 "hari perniagaan" ertinya waktu perniagaan biasa dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari kalendar apabila Bank dibuka untuk melaksanakan perniagaan perbankan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) 2013).

4.1.4 Selepas penerimaan arahan bertulis saya/kami untuk membeli emas, Bank hendaklah merekodkan kuantiti emas yang dibeli dalam gram, harga emas yang dibeli bersamaan dengan Ringgit Malaysia, harga emas setiap gram dalam Ringgit Malaysia dan baki emas dalam gram (jika ada) dalam eGIA pada masa arahan pembelian saya/kami.

4.1.5 Apabila melakukan pembelian, borang atau dokumen yang ditetapkan oleh Bank yang telah dilengkapkan dan disempurnakan dengan sewajarnya hendaklah dikemukakan kepada Bank.

4.2 Pembelian emas melalui CIMB Clicks:

4.2.1 Untuk eGIA yang dibuka di bawah nama tunggal saya, Bank boleh dari semasa ke semasa menjual emas kepada saya selaras dengan pesanan pembelian saya menurut Perjanjian ini.

4.2.2 Setiap pesanan pembelian hendaklah dibuat melalui CIMB Clicks dalam format seperti yang ditetapkan oleh Bank dan hanya akan diterima oleh Bank jika pesanan pembelian telah dibuat oleh saya di antara 8:30 pagi dan 11:30 malam dari Isnin hingga Ahad, tidak termasuk cuti umum kebangsaan di Malaysia ("Waktu Transaksi").

4.2.3 Saya mengakui dan bersetuju bahawa saya hanya akan dibenarkan membeli dan menjual agregat kumulatif enam ribu (6,000) gram emas sehari dan bahawa setiap pesanan pembelian yang dibuat oleh saya dalam Waktu Transaksi hendaklah tertakluk kepada had lanjut maksimum tiga ratus (300) gram emas setiap pesanan pembelian ('Had Transaksi Pembelian').

4.2.4 Selepas penerimaan arahan saya untuk membeli emas, Bank hendaklah merekodkan (a) kuantiti emas yang dibeli dalam gram, (b)

harga emas yang dibeli dalam jumlah bersamaan dengan Ringgit Malaysia, (c) harga emas setiap gram dalam Ringgit Malaysia dan (d) baki emas dalam gram (jika ada) dalam eGIA pada masa arahan pembelian saya, dengan syarat sentiasa bahawa Bank berhak tanpa menanggung sebarang liabiliti apa pun jua terhadap saya, membatalkan, membalikkan atau memansuhkan sebarang pesanan pembelian dan/atau transaksi pembelian saya yang dilakukan yang melebihi Had Transaksi Pembelian termasuk tetapi tidak terhad kepada pesanan pembelian dan/atau transaksi pembelian yang telah dilaksanakan dan/atau disimpulkan dan/atau sebarang transaksi yang mengalir atau berbangkit yang dilaksanakan oleh saya di bawah Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan/atau di bawah mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan Bank di mana transaksi yang dilaksanakan sedemikian adalah melalui atau disebabkan oleh pesanan pembelian dan/atau transaksi pembelian tersebut.

4.3 Bank mempunyai hak untuk mengubah Had Transaksi Pembelian dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari calendar kepada kami.

5. PESANAN PEMBELIAN PERMULAAN MINIMUM DAN PESANAN PEMBELIAN BERIKUTAN

5.1 Saya/Kami mengakui bahawa pesanan pembelian permulaan saya/ kami hendaklah tidak kurang daripada satu (1) gram emas atau, sebarang kuantiti minimum emas lain seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari calendar kepada saya/ kami.

5.2 Saya/Kami bersetuju bahawa selepas pembelian permulaan, setiap pesanan pembelian berikutan yang diterima oleh Bank hendaklah tidak dapat dibatalkan dan hendaklah untuk:

- (a) tidak kurang daripada satu (1) gram emas atau sebarang kuantiti minimum lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa; dan
- (b) kuantiti dalam gandaan penuh satu (1) gram emas atau sebarang gandaan lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

6. HARGA PEMBELIAN

6.1 Harga emas setiap gram bagi setiap pembelian yang dilakukan oleh saya/kami adalah harga jualan dalam Ringgit Malaysia (RM) setiap gram yang disebut oleh Bank kepada saya/kami pada masa penempatan pesanan pembelian saya/kami bergantung kepada sama ada pesanan pembelian dibuat melalui CIMB Clicks atau di cawangan Bank. Harga penjualan yang disebut akan ditentukan oleh Bank setelah mengambil kira semua faktor berkenaan seperti keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau sebarang mata wang asing lain yang diguna pakai) dan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas.

6.2 Pembelian melalui CIMB Clicks hendaklah dilakukan semasa Waktu Transaksi dan/atau semasa hari perniagaan di cawangan Bank dalam format sedemikian seperti yang ditetapkan oleh Bank dan arahan yang terkandung di dalamnya hendaklah dipatuhi dengan ketat.

6.3 Saya/Kami hendaklah menjelaskan dengan sepenuhnya sebarang pembelian emas dalam Ringgit Malaysia (atau sebarang mata wang lain yang dibenarkan oleh Bank) melalui debit terus Akaun Gabungan Yang Ditetapkan, atau mana-mana akaun saya/kami yang lain yang dikekalkan dengan Bank. Perjanjian ini bersama-sama dengan pesanan pembelian yang disempurnakan dengan

sewajarnya hendaklah konklusif dan mengikat terhadap pembelian dan kegagalan saya melakukan penyelesaian sepenuhnya akan membentuk autoriti yang mencukupi untuk Bank melakukan sebarang debit terhadap Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan/atau mana-mana akaun atau akaun-akaun saya/kami yang lain yang dikekalkan dengan Bank. Ia dipersetujui secara nyata bahawa Bank hendaklah berhak untuk tidak melaksanakan sebarang pesanan pembelian jika dana dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya/kami tidak mencukupi.

7. PENJUALAN EMAS

7.1 Penjualan emas di cawangan CIMB Bank:

7.1.1 Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa arahan saya/kami kepada Bank untuk menjual emas dalam eGIA mesti dilakukan pada hari perniagaan dengan melengkapkan borang seperti yang ditetapkan oleh Bank tertakluk kepada sebarang keperluan, amalan semasa Bank, dan/atau bukti identiti saya/kami jika perlu.

7.1.2 Selepas setiap penjualan, Bank akan merekodkan kuantiti emas yang dijual oleh saya/kami dalam gram, harga emas yang dijual dalam jumlah bersamaan dengan Ringgit Malaysia, harga emas yang dijual setiap gram dalam Ringgit Malaysia, dan baki emas dalam gram (jika ada) dalam eGIA.

7.2 Apabila melakukan penjualan borang atau dokumen yang ditetapkan oleh Bank yang telah dilengkapkan dan disempurnakan dengan sewajarnya hendaklah dikemukakan kepada Bank.

7.3 Penjualan emas melalui CIMB Clicks:

7.3.1 Untuk eGIA yang dibuka di bawah nama tunggal saya, saya mengakui dan bersetuju bahawa arahan saya kepada Bank untuk menjual emas dalam eGIA hendaklah dilakukan semasa Waktu Transaksi melalui CIMB Clicks dalam format sedemikian seperti yang ditetapkan oleh Bank tertakluk kepada sebarang keperluan dan amalan semasa Bank.

7.3.2 Saya mengakui dan bersetuju bahawa saya hanya akan dibenarkan membeli dan menjual agregat kumulatif enam ribu (6,000) gram emas sehari dan bahawa setiap pesanan untuk penjualan mesti dibuat oleh saya semasa Waktu Transaksi tertakluk kepada had lanjut maksimum tiga ratus (300) gram emas bagi setiap pesanan penjualan ("Had Transaksi Penjualan").

7.3.3 Bagi setiap penjualan, Bank akan merekodkan kuantiti emas yang dijual dalam gram, harga emas yang dijual dalam jumlah bersamaan dengan Ringgit Malaysia, harga emas yang dijual setiap gram dalam Ringgit Malaysia dan baki emas dalam gram (jika ada) dalam eGIA dengan syarat sentiasa bahawa Bank boleh tanpa menanggung sebarang liabiliti apa pun jua kepada saya membatalkan, membalikkan atau memansuhkan sebarang arahan penjualan dan/atau transaksi penjualan saya yang dilakukan yang melebihi Had Transaksi Penjualan termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan penjualan dan/atau transaksi penjualan yang telah dilaksanakan dan/atau disimpulkan dan/atau sebarang transaksi yang mengalir atau berbangkit yang dilaksanakan oleh saya di bawah Akaun Gabungan Yang Ditetapkan di mana transaksi sedemikian yang dilaksanakan adalah disebabkan oleh atau berdasarkan arahan penjualan dan/atau transaksi penjualan tersebut.

7.4 Bank mempunyai hak untuk mengubah Had Transaksi Penjualan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari calendar kepada saya.

7.5 Sebarang arahan penjualan hendaklah terhad kepada kuantiti sebenar emas dalam eGIA. Saya/Kami bersetuju bahawa jika terdapat emas yang tidak mencukupi dalam eGIA, Bank mempunyai hak untuk tidak melaksanakan arahan penjualan saya/kami.

7.6 Tertakluk kepada Klausula 16.1, saya/kami akan memastikan bahawa sebarang penjualan emas oleh saya/kami tidak akan memungkirkan keperluan Bank untuk mengekalkan eGIA pada semua masa baki minimum emas satu (1) gram atau sebarang baki minimum emas lain

seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada saya/ kami.

8. PELAKSANAAN PESANAN PENJUALAN

8.1 **Penjualan emas di cawangan CIMB Bank:** Pelaksanaan arahan untuk menjual emas oleh saya/kami hendaklah tidak dapat dibatalkan setelah diterima oleh Bank arahan tersebut. Perincian dan butir-butir arahan untuk menjual dalam borang atau dokumen yang ditetapkan oleh Bank hendaklah merupakan bukti konklusif tentang bilangan gram emas yang akan dijual. Perjanjian ini bersama-sama dengan arahan untuk menjual yang dilaksanakan hendaklah menjadi konklusif dan mengikat terhadap saya/kami berkenaan dengan penjualan emas.

8.2 **Penjualan emas melalui CIMB Clicks:** Untuk eGIA yang dibuka di bawah nama tunggal saya, arahan saya untuk menjual yang dilakukan melalui CIMB Clicks hendaklah tidak dapat dibatalkan setelah Bank menerima arahan tersebut dan hendaklah menjadi bukti konklusif mengenai bilangan gram emas yang akan dijual oleh saya. Perjanjian ini dan arahan untuk menjual yang dilakukan oleh saya melalui CIMB Clicks hendaklah dianggap sebagai konklusif dan mengikat terhadap saya berkenaan dengan penjualan emas.

9. KUANTITI PENJUALAN MINIMUM

9.1 Saya/ Kami bersetuju bahawa arahan saya/kami untuk menjual emas secara bertulis dan/atau arahan untuk menjual emas secara elektronik hendaklah tidak dapat dibatalkan dan hendaklah untuk:-

- tidak kurang daripada satu (1) gram emas atau sebarang kuantiti minimum lain seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa; dan
- kuantiti dalam gandaan penuh satu (1) gram emas atau sebarang gandaan lain seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

10. HARGA PENJUALAN

10.1 Setiap penjualan emas oleh saya/kami dalam eGIA kepada Bank hendaklah pada harga pembelian dalam Ringgit Malaysia (RM) setiap gram seperti yang disebut oleh Bank kepada saya/kami pada masa transaksi tersebut bergantung kepada sama ada penjualan dilakukan melalui CIMB Clicks atau di cawangan Bank. Harga pembelian yang disebut hendaklah ditentukan oleh Bank selepas mengambil kira semua faktor seperti keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diguna pakai) dan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas.

11. HASIL PENJUALAN

11.1 Hasil sebarang penjualan emas hendaklah dibayar kepada saya/kami dalam Ringgit Malaysia melalui kredit terus ke dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya/kami pada hari perniagaan yang sama apabila pelaksanaan pesanan penjualan dilakukan.

11.2 Pengeluaran hasil sebarang penjualan emas daripada eGIA boleh dilakukan oleh saya/kami di mana-mana cawangan Bank. Walau bagaimanapun, pengeluaran hasil sebarang penjualan emas di cawangan selain daripada cawangan di mana eGIA dibuka adalah tertakluk kepada had maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000-00) sahaja sehari atau sebarang had lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

12. ARAHAN UNTUK PEMBELIAN DAN/ATAU PENJUALAN EMAS

MASA HADAPAN MELALUI CIMB CLICKS (hanya terpakai untuk eGIA yang dibuka di bawah nama tunggal)

12.1 Saya mengaku janji untuk memastikan bahawa dana yang mencukupi disimpan dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya melalui CIMB Clicks untuk memenuhi arahan saya untuk membeli emas apabila harga emas mencecah pada atau di bawah harga emas yang ditetapkan oleh saya dan arahan saya untuk menjual emas apabila harga emas mencecah pada atau melebihi harga emas yang ditetapkan oleh saya ("Pesanan"). Sekiranya dana tidak mencukupi dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya atau akaun lain yang dipilih oleh saya, Bank mempunyai hak untuk tidak memproses Pesanan untuk membeli emas. Walau bagaimanapun, sekiranya Pesanan diproses dan/atau dilaksanakan oleh Bank meskipun kekurangan dana tersebut, saya dengan ini bersetuju bahawa (i) Bank akan dianggap atau disifatkan sebagai mempunyai pemberikuasaan penuh daripada saya bagi pembelian emas dan (ii) bahawa atas tuntutan Bank harga pembelian penuh atau baki harga pembelian (mengikut keadaan) bagi pembelian emas hendaklah dijelaskan dengan sepenuhnya oleh saya dengan segera.

12.2 Saya memahami dan bersetuju bahawa saya hanya akan dibenarkan membuat Pesanan melalui CIMB Clicks semasa Waktu Transaksi dan dalam Had Transaksi Pembelian dan/atau Had Transaksi Penjualan, mengikut keadaan, dan bahawa Pesanan sedemikian hanya akan diproses dan/atau dilaksanakan oleh Bank pada pukul 4 petang keesokan harinya. Jika Bank tidak dapat memenuhi Pesanan tersebut atas apa jua sebab, termasuk jika harga penjualan dan/atau pembelian emas tidak sama, Bank akan terus memproses Pesanan pada setiap hari selepas itu pada pukul 4 petang bagi tempoh sehingga tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan Pesanan saya oleh Bank ("Tempoh"). Jika Pesanan masih tidak dipenuhi selepas Tempoh, saya mengakui dan bersetuju bahawa Pesanan yang dibuat oleh saya itu akan dibatalkan oleh Bank. Bagi setiap pembelian atau penjualan emas yang berjaya di bawah Pesanan saya, saya memahami dan bersetuju bahawa saya akan dimaklumkan tentangnya oleh Bank melalui catatan di halaman 'CIMB Clicks Successful Transaction' saya. Saya seterusnya memberi kuasa kepada Bank untuk menghantar khidmat pesanan ringkas ("SMS") kepada nombor mudah alih saya yang didaftarkan dalam rekod Bank untuk setiap pembelian atau penjualan emas yang berjaya dilaksanakan di bawah atau selaras dengan Pesanan saya. Saya mengakui bahawa ia hendaklah merupakan tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa notis sedemikian yang dihantar kepada Bank tidak didedahkan kepada atau diberikan akses kepada mana-mana pihak ketiga. Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang perasaan malu, kerugian atau gantirugi pun jua berbangkit daripada pendedahan oleh saya kepada pihak ketiga.

12.3 Saya memahami dan bersetuju bahawa meskipun Bank akan berusaha sedaya-upaya untuk memproses dan melaksanakan Pesanan, Bank tidak menanggung sebarang tanggungjawab untuk melaksanakannya dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti atas sebarang kesilapan, keengganan atau keabaian untuk memproses semua atau mana-mana Pesanan atau disebabkan oleh sebarang kelewatan untuk memproses Pesanan atau melalui sebarang keabaian untuk mematuhi sebarang Pesanan sedemikian.

12.4 Pesanan akan terus berkuat kuasa untuk melindungi Bank berkenaan dengan semua pembelian dan/atau penjualan emas yang dilakukan meskipun kematian atau kebangkrutan saya atau pembatalan Pesanan melalui sebarang cara lain sehingga notis tentang kematian atau kebangkrutan saya atau tentang pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

13. PENGAKUAN PELANGGAN

13.1 Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa:-

- 13.1.1 Bank tidak akan di bawah sebarang kewajipan dan/atau liabiliti dalam apa jua keadaan untuk menyerahkan secara fizikal sebarang

atau semua emas yang dibeli kepada saya/kami (sama ada di Malaysia atau di mana-mana tempat di dunia) dan saya/kami tidak berhak untuk menuntut dan/atau meminta penghantaran sedemikian.

13.1.2 Bank akan tidak mempunyai sebarang kewajipan dan/atau liabiliti dalam apa jua keadaan untuk mengasingkan, mengetepikan dan/atau memperuntukkan sebarang emas yang pada masa itu dan dari semasa ke semasa dipegang oleh Bank kepada saya/kami dan saya/kami tidak mempunyai hak untuk menuntut dan/atau meminta pengasingan, pengetepian dan/atau peruntukan tersebut.

13.1.3 Bank tidak akan dalam apa jua cara dianggap sebagai baili dan/atau pemegang amanah saya/kami berkaitan dengan sebarang atau semua emas yang pada masa itu kena dibayar dan terutang oleh Bank kepada saya/kami dalam eGIA.

13.1.4 Sekiranya saya/kami ingin menjual emas dalam eGIA, Bank akan secara mutlak dan konklusif dianggap telah melaksanakan semua kewajibannya di bawah Perjanjian ini apabila Bank:

- (a) membeli emas daripada saya/kami; dan
- (b) membayar dan/atau mengkreditkan hasil penjualan seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 11.1 di atas.

13.1.5 Pengendalian eGIA hendaklah terbatas kepada pembelian emas daripada Bank dan penjualan emas kepada Bank melalui eGIA dan jika saya/kami ingin menutupkan yang sama, saya/kami akan berhak berbuat demikian dengan menjual semua emas di dalamnya kepada Bank pada harga pembelian dan ia akan disebut oleh Bank pada masa penjualan tersebut dan menerima hasil penjualannya dalam Ringgit Malaysia selaras dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

13.1.6 Perincian dan butir-butir yang dilengkapkan oleh saya/kami dalam borang yang ditetapkan oleh Bank untuk membeli emas daripada Bank, untuk menjual emas dalam eGIA kepada Bank dan/atau perincian atau butir-butir yang direkodkan di bawah eGIA dan/atau Akaun Gabungan Yang Ditetapkan hendaklah diterima oleh saya/kami sebagai bukti konklusif mengenai butir-butir yang terkandung di dalamnya termasuk tetapi tidak terhad kepada butir-butir berkaitan dengan tarikh dan kuantiti emas yang dibeli atau dijual.

13.1.7 Jumlah maksimum emas yang saya/kami boleh jual pada bila-bila masa hendaklah dihadkan kepada baki sebenar emas yang pada masa itu dipegang dalam eGIA dan tertakluk kepada kuantiti minimum emas yang diperlukan untuk mengekalkan eGIA seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 7.6 di atas. Sekiranya saya/ kami menjual semua emas saya/kami dalam eGIA, eGIA akan ditutup selaras dengan Klausa 16 Perjanjian ini.

13.1.8 Bahawa tiada jongkong emas dalam bentuk apa pun akan dihantar ke Bank secara fizikal untuk didepositkan ke dalam eGIA saya/kami dan Bank berhak menolak deposit tersebut.

13.1.9 Melainkan emas dalam eGIA saya/kami, Bank tidak akan mempunyai sebarang kewajipan untuk membeli emas daripada saya/kami dan berhak menolak sebarang tawaran untuk penjualan sebarang emas oleh saya/kami sama ada emas mempunyai ketulenan yang sama atau ia adalah sebarang jenis lain.

13.1.10 Saya/Kami akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai atau levi yang perlu dibayar terhadap eGIA, untuk emas yang dibeli dan/atau dijual di bawah eGIA.

13.1.11 Bank mempunyai hak untuk menggantung pengendalian eGIA pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang alasan dan dengan memberi notis kepada saya/kami sekiranya Bank mengesyaki bahawa eGIA digunakan untuk sebarang tujuan haram.

13.1.12 Saya/Kami akan memastikan pada semua masa bahawa saya/ kami mematuhi peruntukan semasa di bawah Notis mengenai Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan sebarang notis berkenaan lain yang dikeluarkan selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan sebarang pindaan padanya dan sebarang undang-undang dan peraturan Malaysia lain yang terpakai.

13.1.13 eGIA bukan produk yang dilindungi jumlah prinsipalnya dan bukan akaun yang diberikan faedah dan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan pembelian emas di bawah eGIA tidak lagi dilindungi oleh PIDM.

14. KEMATIAN ATAU KETIDAKUPAYAAN PELANGGAN

14.1 Sekiranya terdapat sebarang ketidakupayaan atau keilatan, Bank berhak bertindak selaras dengan arahan yang diberikan oleh saya/kami atau oleh mana-mana seorang atau lebih daripada kami tertakluk kepada kepatuhan dengan sebarang keperluan atau prosedur seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

14.2 Sekiranya berlaku kematian mana-mana pemegang akaun bersama eGIA, pemegang akaun yang masih hidup diberi kuasa untuk (i) memberikan arahan berkaitan dengan penjualan emas, (ii) menutup eGIA dan (iii) menerima hasil sebarang penjualan emas tertakluk kepada kepatuhan dengan peruntukan perundangan duti harta pusaka (jika ada) atau sebarang perundangan lain yang mempunyai sifat setara dan selaras dengan arahan pemegang akaun yang masih hidup, semua tindakan dan/atau transaksi yang dilaksanakan oleh Bank hendaklah merupakan pelaksanaan yang sah dan konklusif oleh Bank terhadap semua kewajibannya di bawah eGIA.

15. TANGGUNG RUGI DAN PEMBatasan LIABILITI

15.1 Saya/Kami dengan ini secara bersama dan berasingan bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi dan terus menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas semua penalti, gantirugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan anak guam, cukai atau duti yang mungkin ditanggung oleh saya/kami atau Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada penglibatan sebarang cukai dan/atau levi lain berhubung dengan kewujudan, pengeluaran atau pengendalian eGIA atau berhubung dengan pelaksanaan oleh Bank terhadap sebarang arahan untuk penjualan atau pembelian yang berkaitan dengannya (meskipun arahan tersebut mungkin penipuan atau tanpa kebenaran) melainkan saya/kami boleh membuktikan bahawa penalti, gantirugi, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, cukai atau duti ini adalah disebabkan oleh kecaian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

15.2 Tanggungjawab keseluruhan Bank kepada saya/ kami hanya terhad kepada kerugian langsung sebenar yang dialami oleh saya/ kami, dengan syarat tuntutan itu disokong oleh keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh saya/ kami kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian teladan atau punitif, kerugian atau gantirugi tidak langsung, sampingan, turutan dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang sebarang kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kehilangan pergantungan, kerugian ekonomi murni atau kerugian atau gantirugi setara yang saya/ kami mungkin alami akibat sebarang tindakan atau peninggalan Bank, walaupun Bank telah dinasihati tentang kemungkinan kehilangan atau gantirugi tersebut terdahulu.

16. PENUTUPAN eGIA

16.1 Sekiranya saya/kami ingin menutup eGIA, saya/kami berhak berbuat demikian dengan menjual semua emas dalam eGIA kepada Bank pada harga pembelian seperti yang akan disebut oleh Bank pada masa penjualan sedemikian. Semua hasil penjualan akan dibayar kepada saya/kami dalam Ringgit Malaysia dengan mengkreditkan ke dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan.

16.2 Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa eGIA hanya boleh ditutup apabila saya/kami meminta penutupan secara peribadi di cawangan Bank. Pasport/MyKad/Sijil kematian atau mana-mana dokumen pengenalan seperti dalam rekod Bank yang sah hendaklah dikemukakan bagi penutupan eGIA. Saya/Kami akan mematuhi semua keperluan semasa Bank bagi penutupan eGIA yang boleh ditetapkan

oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

16.3 eGIA akan dianggap ditutup jika ia kelihatan dalam rekod Bank sebagai mempunyai baki kosong atau baki sifar atau melalui operasi undang-undang.

16.4 Saya/Kami akan mematuhi keperluan Bank bagi penutupan eGIA (jika ada). Bank boleh mengenakan caj perkhidmatan bagi penutupan eGIA.

16.5 Bank mempunyai hak untuk menutup eGIA dengan memberikan notis kepada saya/kami termasuk sebab kami untuk berbuat sedemikian. Sekiranya terdapat sebarang emas dalam eGIA, saya/kami dengan ini memberi kuasa tidak dapat dibatalkan kepada Bank untuk menjual emas tersebut seperti yang dianggap wajar oleh Bank. Hasil penjualan akan dikreditkan ke dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, jika ada, dalam penjualan emas atau atas sebarang kerugian atau susut nilai emas berbangkit daripada atau atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga emas dan/atau turun naik kadar pertukaran mata wang. Saya/Kami secara nyata dan tidak dapat dibatal bersetuju bahawa pertimbangan dan budi bicara Bank mengenai masa, harga dan terma-terma penjualan emas hendaklah menjadi muktamad, mengikat dan konklusif.

17. CAJ BANK

17.1 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji untuk membayar kepada Bank caj perkhidmatan atau transaksi di bawah eGIA selaras dengan amalan semasa Bank. Caj perkhidmatan atau transaksi tersebut akan didebit daripada Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya/kami. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang terpakai terhadap eGIA, pemberitahuan perubahan sedemikian hendaklah disampaikan kepada saya/kami dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan.

17.2 Bagi tujuan pembayaran caj, saya/kami akan memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya/kami pada semua masa supaya Bank boleh mendebit.

17.3 Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Gabungan Yang Ditetapkan saya/kami untuk fi perkhidmatan tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) atau sebarang jumlah lain seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Fi perkhidmatan tahunan perlu dibayar pada hari pertama dan bulan pertama dalam tahun kalendar berikutnya iaitu 1 Januari jika baki emas dalam eGIA setakat 31 Disember adalah kurang daripada 5 gram atau sebarang kuantiti minimum emas lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

18. HAK UNTUK MENGGABUNGAN AKAUN DAN TOLAKAN

18.1 Di samping sebarang lien am atau hak yang serupa di mana Bank mungkin layak di sisi undang-undang, Bank hendaklah bebas dan dengan ini diberi kuasa dan mempunyai kuasa pada bila-bila masa untuk menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun saya/kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang akaun overdraf, pinjaman, semasa, simpanan, deposit tetap dan eGIA) yang dikekalkan dengan Bank kini atau selepas ini (dalam kes di mana orang yang bertandatangan di bawah adalah lebih daripada seorang, sama ada akaun tersebut adalah dalam nama tunggal mana-mana seorang daripada kami dan/atau dalam nama bersama kami dan/atau mana-mana seorang atau lebih daripada

kami dengan mana-mana orang lain), dan/atau menolak dan/atau memindahkan sebarang wang, hak, kepentingan dan/atau liabiliti yang terhutang oleh saya/kami kepada Bank di dalam atau di bawah mana-mana satu atau lebih akaun sedemikian, dalam atau untuk penjelasan sebarang liabiliti yang terhutang oleh saya/kami atau mana-mana satu atau lebih daripada kami kepada Bank terhadap mana-mana akaun atau akaun-akaun lain, atau dari sebarang segi lain termasuk sebarang cukai dan sebarang jumlah lain yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank tersebut adalah sebenar, kontingen, utama, kolateral, berasingan, bersama atau dalam mata wang lain dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada saya/ kami.

18.2 Ia hendaklah sah untuk Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kepada saya/ kami untuk menjual emas atau mana-mana bahagian daripadanya, dalam eGIA dalam cara sedemikian dan berdasarkan terma terma-dan syarat-syarat sedemikian seperti yang dianggap wajar oleh Bank, dan hasil sebarang penjualan tersebut hendaklah digunakan untuk atau terhadap pembayaran balik sebarang wang yang kena dibayar dan terhutang oleh saya/kami. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, jika ada, dalam penjualan emas atau atas sebarang kerugian atau susut nilai emas berbangkit daripada atau melalui apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga emas dan/atau turun naik kadar pertukaran mata wang. Saya/Kami secara nyata dan tidak dapat dibatal bersetuju bahawa pertimbangan dan budi bicara Bank berhubung dengan masa, harga dan terma-terma penjualan emas hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak akan dipersoalkan oleh saya/kami atas sebarang sebab pun jua.

18.3 Meskipun sifat am peruntukan dalam Klausa 18.1 dan 18.2, Bank mengakui bahawa ia akan memberikan kepada saya/ kami dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar mengenai niat Bank untuk menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun saya/kami atau untuk melaksanakan sebarang hak tolakan atau untuk menjual emas dalam eGIA bagi tujuan menjelaskan sebarang baki debit dan/atau liabiliti yang terhutang oleh saya/kami atau mana-mana seorang atau lebih daripada kami kepada Bank terhadap mana-mana akaun pinjaman saya/kami.

19. HAK BANK UNTUK MEMPERUNTUKKAN eGIA SEBAGAI CAGARAN

19.1 Di samping dan tanpa prejudis kepada Klausa 18 di atas, saya/kami bersetuju bahawa Bank hendaklah bebas dan dengan ini secara tidak boleh dibatal diberi kuasa oleh saya/kami untuk menahan dan/atau memperuntukkan dari semasa ke semasa tanpa pengetahuan atau kebenaran terdahulu saya/kami, seberapa banyak emas yang pada masa itu direkodkan dalam eGIA saya/kami seperti yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlak Bank, sebagai cagaran untuk pembayaran sebarang atau semua wang dan/atau liabiliti yang terhutang atau perlu dibayar oleh saya/kami kepada Bank terhadap sebarang akaun atau akaun-akaun lain pun jua (sama ada sebenar atau kontingen, bersama atau berasingan) jika saya/kami gagal membayar kepada Bank sebarang jumlah yang kena dibayar tetapi belum dibayar oleh saya/kami kepada Bank seperti yang dituntut, dan/atau selaras dengan sebarang Perintah Mahkamah atau arahan yang mengikat Bank.

20. PEMBEKUAN eGIA

20.1 Tanpa prejudis terhadap dan tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank untuk membekukan eGIA pada bila-bila masa selaras dengan atau menurut sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan/atau enakmen, Bank boleh pada bila-bila masa, tanpa diperlukan untuk memberikan kepada saya/ kami sebarang notis terdahulu, menahan diri daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di bawah eGIA termasuk tetapi tidak terhad kepada (a) pembelian sebarang emas di bawah atau ke dalam eGIA; dan/atau (b) penjualan sebarang emas di bawah atau

keluar daripada eGIA ("Pembekuan eGIA") apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:-

- (a) Bank dimaklumkan bahawa saya/kami telah melakukan suatu tindakan kebangkrutan dan/atau notis kebangkrutan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebangkrutan mengikut keadaan telah difailkan atau dikemukakan terhadap saya/kami ("hal-hal insolvensi pemegang akaun");
- (b) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain ("pihak berkuasa berkenaan") agar menahan diri daripada melakukan sebarang transaksi di bawah eGIA seperti yang dinyatakan di atas tanpa mengira sama ada pihak berkuasa berkenaan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau kuasa yang sah untuk membuat permintaan tersebut kepada Bank ("arahan pihak berkuasa berkenaan").

20.2 Pembekuan eGIA akan dihentikan atau ditamatkan apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut: -

- (a) Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, ia hendaklah ditunjukkan kepada kepuasan Bank oleh saya/kami dengan bukti yang sesuai bahawa notis kebangkrutan atau petisyen pemiutang untuk kebangkrutan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau diberhentikan atau dibatalkan oleh mahkamah atau apabila Bank disampaikan dengan perintah mahkamah yang sesuai yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan eGIA;
- (b) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkenaan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkenaan untuk melaksanakan penamatan Pembekuan eGIA atau secara alternatif, perintah mahkamah yang sesuai telah disampaikan kepada Bank untuk membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan eGIA.

20.3 Dengan membekukan eGIA selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam eGIA, saya/kami bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau kemungkiran kontrak dan/atau atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj pun jua yang mungkin dituntut terhadap Bank oleh saya/kami atau oleh mana-mana orang lain atas apa jua sebab melainkan kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj tersebut adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaihan melampau dan/atau keingkaran sengaja Bank. Berhubung dengan perkara ini, saya/kami selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk memastikan Bank ditanggung rugi sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk gantirugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anak guam dan kos pihak ke pihak) yang boleh dibuat terhadap Bank oleh mana-mana orang lain.

20.4 Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang guaman berbangkit daripada tindakan Bank dalam Pembekuan eGIA di dalam ini atau jika Bank sebelum atau selepas Pembekuan eGIA memulakan sebarang guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interplider terhadap mana-mana pihak termasuk saya/kami untuk sebarang relief atau deklarasi yang sesuai yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, gantirugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anak guam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung rugi sepenuhnya oleh saya/kami.

20.5 Dengan bertindak selaras dengan mana-mana terma, syarat dan peruntukan di dalam ini, saya/kami bersetuju bahawa Bank tidak

akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan atau kos pun jua yang mungkin dituntut terhadap Bank atas alasan bahawa Bank belum diberikan pemberitahuan peristiwa berkenaan yang disebutkan dalam Klausa 20.1 atas sebab pemberitahuan adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal, tidak berkesan atau atas sebarang sebab lain pun jua.

21. TIADA PENYERAHAN

21.1 Semua hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan di bawah Akaun Gabungan Yang Ditetapkan, eGIA dan emas yang dirangkumi di dalamnya tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diserahkan dan tidak boleh dijadikan tertakluk kepada sebarang sandaran, gadaian, gadai janji atau dijadikan tertakluk kepada sebarang lien dan/atau sebarang bentuk bebanan atau cagar lain melainkan yang sama diwujudkan memihak kepada Bank.

22. PENDEDAHAN

22.1 Saya/Kami di sini bersetuju, membenarkan dan memberikuasakan kepada Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan saya/kami, hal-ehwal saya/kami dan/atau sebarang akaun yang disimpan oleh saya/kami dengan Bank untuk:

- ejen, pembekal perkhidmatan, juru audit, kaunsel undang-undang dan/atau penasihat profesional di dalam dan di luar Malaysia;
- entiti-entiti di dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat tersebut bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;
- Amanah Raya Berhad atau mana-mana badan lain yang dilantik oleh pihak berkuasa untuk melaksanakan fungsi pemegang amanah awam dan/ atau kepada peguamcara yang dilantik oleh waris kadim saya/ kami berhubung dengan sebarang permohonan untuk pemberian probet atau surat pentadbiran selepas kematian saya/ kami

Untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan produk kewangan/kemudahan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan untuk atau diberi atau dibekal oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada pelanggan mereka, dan juga kepada:

- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa
- mana-mana syarikat dan/atau perbadanan yang membantu atau memudahkan pemrosesan dan/atau pematuhan transaksi atau arahan yang saya/kami telah meminta dan/atau memberi kepada Bank;
- mana-mana penerima pindahan atau penerima hak potensi dengan yang mana Bank sedang berbincang untuk pemindahan, pemberian hak dan novasi hak atau kewajipan di bawah atau melalui rujukan kepada Akaun eGIA ini; dan
- pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing

Saya/Kami bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik di mana pendedahan maklumat saya/kami diperlukan untuk penyediaan Akaun eGIA, dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan saya/kami untuk mematuhi keperluan

kontrak atau mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

22.2 Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) boleh juga untuk jualan silang Bank dan/atau Kumpulan Syarikat tertakluk bahawa pendedahan untuk tujuan jualan silang hendaklah tidak diefektifkan jika pendedahan tersebut dibantah oleh saya/kami.

Saya/Kami memahami bahawa saya/kami boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada saya/kami): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.

22.3 Saya/ Kami dengan ini bersetuju dan secara nyata memberi kuasa dan menjemput pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi saya/ kami dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.

22.4 Tanpa menjejaskan yang tersebut di atas dan berdasarkan alamat mel, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau sebarang butir-butir perhubungan lain sedia ada saya/kami yang dideposit atau direkodkan dengan Bank, Bank dengan ini diberi kuasa secara tidak dapat dibatalkan (tetapi tidak wajib) untuk menghubungi dan / atau memaklumkan kepada saya/ kami melalui pos dan/atau mel elektronik dan/atau telefon dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan/atau perkhidmatan kurier dan/atau sebarang cara komunikasi lain yang dipilih oleh Bank mengikut budi bicara tunggalnya. Maklumat atau pemberitahuan yang dihantar oleh Bank hendaklah mengandungi maklumat atau pemberitahuan sedemikian yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung dengan Akaun dan/atau sebarang maklumat yang berkaitan dengan sebarang perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan/atau mana-mana pihak lain yang diadakan bersama atau bersempena dengan Bank.

23. PENGGANTUNGAN PENJUALAN DAN PEMBELIAN

23.1 Meskipun sebarang peruntukan yang menyatakan sebaliknya dan/atau sebarang kewajipan atau obligasi nyata atau tersirat di pihak Bank, ia dengan ini dipersetujui secara nyata bahawa Bank hendaklah berhak (i) untuk tidak menerima sebarang arahan untuk penjualan atau pembelian emas dan/atau (ii) untuk menyebut sebarang harga pembelian dan penjualan pada bila-bila masa termasuk tetapi tidak terhad kepada semasa tempoh apabila dagangan dalam emas digantung di Pertukaran Emas Malaysia atau sebarang pertukaran emas lain dalam sebarang bidang kuasa lain.

24. NOTIS

24.1 Semua komunikasi dan notis yang dihantar oleh Bank melalui komunikasi segera dan/atau melalui pos kepada atau ditinggalkan di alamat saya/ kami yang terakhir didaftarkan dengan Bank, dan/atau melalui penerbitan di laman web Bank atau mana-mana cawangan Bank akan dianggap telah dihantar dan diterima oleh saya/ kami: (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (ke-7) selepas penghantaran; (ii) jika melalui sebarang bentuk komunikasi segera (termasuk melalui mel elektronik dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan rakaman suara), segera; (iii) jika melalui penerbitan di laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan.

25. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

25.1 Sebarang perubahan pada alamat e-mel, alamat mel, nombor telefon, tandatangan dan/atau butir-butir lain saya/ kami yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan segera kepada Bank oleh saya/ kami. Pemberitahuan tersebut mesti dilakukan secara bertulis dan disokong oleh mana-mana dokumentasi yang mungkin dikehendaki oleh Bank dan hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank.

26. REKOD CATATAN DALAM REKOD BANK

26.1 Tertakluk kepada Klausula 26.2 di bawah, saya/kami mengakui bahawa Bank akan merekodkan semua transaksi yang dilakukan oleh saya/kami di bawah eGIA dan saya/kami diminta untuk menyemak transaksi yang direkodkan dalam penyata akaun atau sejarah transaksi dalam talian yang tersedia dalam talian melalui CIMB Clicks dan/atau dihantar melalui pos kepada saya/kami dan segera memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang kesalahan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau transaksi/catatan tanpa kebenaran. Sekiranya saya/kami gagal memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang kesilapan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau transaksi/catatan tanpa kebenaran dalam penyata akaun atau sejarah transaksi dalam talian empat belas (14) hari dari tarikh pengeposan transaksi tersebut dalam talian atau tarikh penyata akaun, mengikut mana-mana yang berkenaan, saya/kami akan dianggap telah menerima semua transaksi/catatan yang terkandung dalam penyata akaun atau sejarah transaksi dalam talian sebagai benar dan tepat dalam semua aspek.

26.2 Rekod Bank bagi baki dan/atau transaksi yang dilaksanakan di bawah eGIA hendaklah dianggap sebagai konklusif dan mengikat ke atas saya/kami (kecuali dan melainkan kesilapan jelas).

27. TAFSIRAN

27.1 Dalam mentafsirkan Perjanjian ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya, kata-kata yang menandakan tunggal akan merangkumi jamak dan sebaliknya, dan kata-kata yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan/atau neuter dan sebaliknya.

27.2 Tajuk klausa dimasukkan bagi kemudahan rujukan semata-mata dan hendaklah diabaikan dalam pentafsiran Perjanjian ini.

28. PERUBAHAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

28.1 Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank merizabkan hak pada bilabila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar untuk menambah, meminda, memadam, mengubah atau memodifikasi sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan dan borang piawai Bank. Sebarang perubahan, tambahan, pemadaman, modifikasi atau pindaan ("Pindaan") akan mengikat saya/kami dan dianggap dibawa kepada perhatian saya/kami seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 24 di atas.

29. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN BIDANG KUASA

29.1 Undang-undang Malaysia akan mengawal dan terpakai terhadap Perjanjian ini, eGIA dan semua transaksi berkaitan dengannya. Berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang berbangkit daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini ("Prosiding"), setiap pihak secara tidak boleh dibatalkan berserah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia dan mengetepikan sebarang bantahan terhadap Prosiding di mana-mana mahkamah sedemikian atas alasan tempat atau atas alasan bahawa Prosiding telah dibawa di forum yang tidak sesuai.

29.2 Sebagai tambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat Bank, pengendalian eGIA hendaklah dikawal oleh dan tertakluk kepada kaedah, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan mana-mana badan atau persatuan berkenaan lain sama ada kaedah, peraturan dan garis panduan tersebut mempunyai kuat kuasa undang-undang.

30. KLAUSA PRIVASI

30.1 Saya/ Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/ kami telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan klausa-klausa di sini, seperti yang mungkin berkenaan dengan pemprosesan maklumat peribadi saya/ kami. Bagi mengelakkan keraguan, saya/ kami bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terkandung di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini secara rujukan.

30.2 Jika saya/ kami memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkenaan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkenaan dengan waris kadim dan tanggungan saya/ kami, untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan saya/ kami, dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, saya/ kami, (a) mengesahkan bahawa saya/ kami, telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya layak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan Akaun ini jika persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.

30.3 Jika saya/ kami mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi merentasi sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentasi sempadan (termasuk maklumat yang berkenaan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkenaan dengan tanggungjawab sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen kami untuk melakukan sebarang transaksi merentasi sempadan bagi pihak saya/ kami, saya/ kami bersetuju akan pendedahan yang disebutkan di atas bagi pihak saya/ kami dan orang lain yang terlibat dalam transaksi merentasi sempadan tersebut.

30.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa depan melakukan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan laporan/rujukan kredit dengan agensi laporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank memastikan status saya kami seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membua keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit atau yang lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio pemegang akaun; (c) mendapatkan semula hutang; dan/atau (d) sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Saya/Kami akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang saya/ kami gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang saya/ kami dan bagaimana saya/ kami menguruskan akaun/kemudahan saya/ kami dengan agensi laporan/rujukan kredit yang berkenaan, dan bagi mana-mana agensi laporan/rujukan kredit ini untuk mendedahkan maklumat kredit saya/ kami kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

30.5 Walaupun selepas saya/kami memberikan Bank dengan apa-apa maklumat, saya/kami mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini kecuali di mana pendedahan maklumat saya/kami sedemikian diperlukan untuk penyediaan Akaun eGIA dan/atau perkhidmatan yang berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan saya/kami untuk mematuhi keperluan kontrak atau mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

30.6 Untuk tujuan Klausula 30 ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkenaan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan kawal selia lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.

30.7 Klausula ini hendaklah tanpa prejudis kepada klausa-klausa lain di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang memberikan pendedahan maklumat.

31. PENGENDALIAN ADUAN

31.1 Sekiranya terdapat aduan yang berkaitan dengan Perjanjian ini, nota boleh diserahkan kepada pusat atau cawangan CIMB masing-masing di mana eGIA dikekalkan. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang dibekalkan oleh pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan, Unit Resolusi Pelanggan Bank dengan alamat, alamat e-mel atau nombor telefon berikut (yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada saya) Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Kuala Lumpur, alamat e-mel: contactus@cimb.com No. Tel: 03-6204 7788.

Saya/Kami bersetuju and terima Klausula 22.1 pada pendedahan diatas.

Bertarikhhari bulan..... 20.....

.....
 Nama: Nama: Nama:

No. KP/Pasport: No. KP/Pasport: No. KP/Pasport:

Di hadapan /

.....
 Nama: Nama: Nama:

No. KP/Pasport: No. KP/Pasport: No. KP/Pasport:

Untuk Kegunaan Bank
No. Akaun Pelaburan e-Emas (eGIA):
No. Akaun Gabungan Yang Ditetapkan:
Dikendalikan oleh: _____ (Tandatangan & Cap Getah Pegawai) Tarikh:

